KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25.08.22	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan Perak siasat kematian lelaki diserang haiwan

IPOH - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak sedang menyiasat kejadian lelaki yang maut diserang haiwan di Kampung Merua, Parit pada Isnin.

Pengarahnya, Yusoff Shariff berkata, siasatan dilakukan di lokasi kejadian pada Selasa, namun pihaknya belum dapat mengenal pasti haiwan yang telah menyerang mangsa.

"Berdasarkan rekod, Perhilitan tidak menerima aduan gangguan babi hutan sepanjang tahun 2022 di kampung tersebut.

"Kita hanya terima laporan dari kampung bersebelahan iaitu Kampung Bukit Chupak," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Yusoff turut menasihatkan penduduk untuk menjaga kebersihan di sekeliling rumah.

"Sebaiknya, urus sampah terutama sisa makanan jauh sedikit dari pekarangan rumah bagi mengelak hidupan liar seperti babi hutan dan kera," jelasnya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan polis mengesahkan lelaki yang ditemukan dengan kesan luka pada leher maut kerana kehilangan darah akibat serangan haiwan.

Pemeriksaan luaran pada mayat mangsa, Norzi Jaafar, 58, mendapati luka pada mangsa berpadanan dengan haiwan seperti anjing atau seumpamanya selain penemuan beberapa helai bulu di sekeliling luka berkenaan.

Hasil bedah siasat mendapati punca kematian adalah kehilangan darah disebabkan serangan haiwan, jangkitan covid-19 dan saluran darah tersumbat.



Laporan *Sinar Harian* pada 22 Ogos lalu.

SH250822_26